

**KAEDAH PENGIRAAN MARKAH MERIT PEMILIHAN KEMASUKAN KE IPTA
BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF
SELARAS DENGAN PENGREDAN BARU SPM
OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MULAI SESI AKADEMIK 2010/2011**

DASAR PENENTUAN ALIRAN

1. Permohonan dibahagikan kepada **dua (2) aliran** iaitu :
 - **Aliran Sains**
 - **Aliran Sastera**

2. Kaedah penentuan aliran bagi semua calon iaitu dengan mengguna pakai **4 daripada 5 mata pelajaran utama** seperti berikut :

ALIRAN SAINS	ALIRAN SASTERA
Matematik	Bahasa Malaysia
Matematik Tambahan	Matematik
Fizik	Sains
Kimia	Sejarah
Biologi atau mata pelajaran berikut : Pengajian Kejuruteraan Awam / Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Reka Cipta / Lukisan Kejuruteraan / Ekonomi Rumah Tangga / Teknologi Maklumat / Prinsip Akaun / Perdagangan / Ekonomi Asas / Sains Pertanian / Pengajian Agro Teknologi / Pengetahuan Sains Sukan	Pengajian Islam / Pendidikan Al-Quran dan As-Sunah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pengetahuan Moral

PENYEDIAAN DAN PENGIRAAN MERIT

3. Dasar pengiraan merit adalah berdasarkan komponen **Markah Akademik (90%)** dan **Markah Kokurikulum (10%)**.
4. Pengiraan merit adalah berdasarkan nilai gred mata pelajaran bagi tujuan pengiraan markah adalah seperti berikut :

GRED		NILAI
DAHULU (Sebelum 2010)	SEKARANG (Mulai 2010)	
-	A+	18
1A	A	16
2A	A-	14
3B	B+	12
4B	B	10
5C	C+	8
6C	C	6
7D	D	4
8E	E	2
9G	G	0

5. Kaedah Pengiraan Markah Akademik seperti berikut :
 - i. **90 markah bagi 5 mata pelajaran utama.**
 - ii. **30 markah bagi 3 mata pelajaran terbaik yang lain**

ALIRAN SAINS

6. Kaedah Pengiraan Markah Akademik **Aliran Sains** seperti berikut :

6.1 **90 markah** daripada 5 mata pelajaran berikut:-

- i. Matematik
- ii. Matematik Tambahan
- iii. Fizik
- iv. Kimia
- v. Biologi atau salah satu dari mata pelajaran berikut: Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Reka Cipta / Lukisan Kejuruteraan / Ekonomi Rumah Tangga/ Sains Pertanian/ Pengajian Agro Teknologi

/Teknologi Kejuruteraan / Teknologi Maklumat / Prinsip Akaun /
Perdagangan / Ekonomi Asas / Pengetahuan Sains Sukan
Dan

6.2 30 markah daripada 3 mata pelajaran terbaik SPM lain yang diambil

ALIRAN SASTERA

7. Kaedah Pengiraan Markah Akademik **Aliran Sastera** seperti berikut :

7.1 90 markah dari 5 mata pelajaran berikut :-

- a. Bahasa Melayu
- b. Matematik
- c. Sains
- d. Sejarah
- a. Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pengetahuan Moral ;

Dan

7.2 30 markah daripada 3 mata pelajaran terbaik yang lain.

CONTOH PENGIRAAN

8. Contoh Pengiraan Merit Aliran Sains

8.1 Calon Aliran Sains Mengambil 9 Mata Pelajaran

Bil.	Mata Pelajaran	Gred
1.	Bahasa Melayu	A+
2.	Bahasa Inggeris	A+
3.	Pendidikan Islam	A+
4.	Sejarah	A+
5.	Matematik	A+
6.	Matematik Tambahan	A
7.	Fizik	A-
8.	Kimia	A
9.	Biologi	A-

8.2 Pengiraan Markah Akademik 5 Mata Pelajaran Utama (Aliran Sains)

Bil.	Mata Pelajaran	Gred	Nilai (Markah)
1.	Matematik	A+	18
2.	Matematik Tambahan	A	16
3.	Fizik	A-	14
4.	Kimia	A	16
5.	Biologi	A-	14
JUMLAH			78

8.3 Pengiraan Markah Akademik Bagi 3 Mata Pelajaran Terbaik SPM Lain Yang Diambil (Aliran Sains)

Bil.	Mata Pelajaran	Gred	Nilai (Markah)
1.	Bahasa Melayu	A+	18
2.	Bahasa Inggeris	A+	18
3.	Pendidikan Islam	A+	18
JUMLAH			54

8.4 Markah Akademik Bagi Pengiraan Markah Merit Pelajar

**Markah Akademik = Markah Mata Pelajaran + Markah Mata Pelajaran
Utama Aliran Terbaik**

$$\text{Markah MP Utama Aliran} = \frac{78 \times 90}{90} = 78$$

$$\text{Markah MP Terbaik} = \frac{54 \times 30}{54} = 30$$

Jumlah

$$\begin{aligned} \text{Markah Akademik} &= \frac{\text{Markah MP Utama Aliran} + \text{Markah MP Terbaik} \times 90}{120} \\ &= \frac{(78 + 30) \times 90}{120} \end{aligned}$$

$$= 81$$

9. Contoh Pengiraan Merit Aliran Sastera

9.1 Calon Aliran Sastera Mengambil 9 Mata Pelajaran

Bil.	Mata Pelajaran	Gred
1.	Bahasa Melayu	A+
2.	Bahasa Inggeris	A+
3.	Pengetahuan Moral	B+
4.	Sejarah	C+
5.	Matematik	B
6.	Sains	B
7.	Perdagangan	C+
8.	Ekonomi Asas	C
9.	Ekonomi Rumah Tangga	A

9.2 Pengiraan Markah Akademik 5 Mata Pelajaran Utama (Aliran Sastera)

Bil.	Mata Pelajaran	Gred	Nilai (Markah)
1.	Bahasa Melayu	A+	18
2.	Matematik	B	10
3.	Sains	B	10
4.	Sejarah	C+	8
5.	Pengetahuan Moral	B+	12
JUMLAH			58

9.3 Pengiraan Markah Akademik Bagi 3 Mata Pelajaran Terbaik SPM Lain Yang Diambil (Aliran Sastera)

Bil.	Mata Pelajaran	Gred	Nilai (Markah)
1.	Bahasa Inggeris	A+	18
2.	Ekonomi Rumah Tangga	A	16
3.	Perdagangan	C+	8
JUMLAH			42

9.4 Markah Akademik Bagi Pengiraan Markah Merit Pelajar

$$\text{Markah Akademik} = \text{Markah Mata Pelajaran + Markah Mata Pelajaran} \\ \text{Utama Aliran} \qquad \qquad \qquad \text{Terbaik}$$

$$\text{Markah MP Utama Aliran} = \frac{58 \times 90}{90} = 58$$

$$\text{Markah MP Terbaik} = \frac{42 \times 30}{54} = 23.3$$

Jumlah

$$\begin{aligned} \text{Markah Akademik} &= \frac{\text{Markah MP Utama Aliran} + \text{Markah MP Terbaik} \times 90}{120} \\ &= \frac{(58 + 23.3) \times 90}{120} \\ &= \mathbf{60.9} \end{aligned}$$

10. PENYEDIAAN SUSUNAN MERIT

10.1 Susunan Merit (ranking) disediakan berdasarkan **Markah Akademik (90%) dan Markah Kokurikulum (10%)**.

- i. Jika masih 'tie' jumlah **Gred A+** diperoleh diambil kira ;
- ii. Jika masih 'tie' jumlah **markah akademik** diambil kira ;
- iii. Jika masih 'tie' jumlah **markah kokurikulum** diambil kira ;
- iv. Jika masih 'tie' jumlah **Gred A (A+, A dan A-)** yang diperoleh pemohon akan diambil kira ;

10.2. Gred A+ dijadikan indikator pertama jika pelajar mempunyai markah merit yang sama. Justeru nilai **A+** adalah bersamaan dengan **nilai 1**.

10.3 Gred A yang merangkumi **A+, A dan A-** juga dijadikan indikator penyusunan merit calon jika berlaku 'tie'.

- **Nota :** MP = Mata Pelajaran

**Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
4 November 2009**